

KAIN LIMAR

OLEH

ZAHARAH ZAKARIA

TESISINI DIKEMUKAKAN KEPADA KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA,  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA SENILUKIS DAN SENIREKA.

1. DIPERIKSA OLEH..... TARIKH.....  
2. DIPERIKSA OLEH..... TARIKH.....  
3. DIPERIKSA OLEH..... TARIKH.....

DILULUSKAN OLEH..... TARIKH.....

KETUA KAJIAN  
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
I.T.M.  
SHAH ALAM  
SELANGOR.

## ISI KANDUNGAN

PRA-KATA.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
ILUSTRASI.....	iii
PENGENALAN.....	iv
<u>BAB 1</u>	
1.1.....SEJARAH TENUNAN.....	1
1.2.....LATARBELAKANG KAIN LIMAR.....	3
<u>BAB 2</u>	
2.1.....PROSES.....	5
2.2.....BAHAN WARNA.....	7
PEMBAHAGIAN JENIS-JENIS WARNA.....	
<u>BAB 3</u>	
3.1.....REKACORAK TRADISIONAL KAIN LIMAR.....	13
3.2.....JENIS-JENIS CORAK KAIN LIMAR.....	
<u>BAB 4</u>	
4.0.....PEMAKAIAN KAIN LIMAR SERTA PENGGUNAANNYA DIDALAM ISTIADAT MELAYU LAMA.....	26

BAB 5

5.0.....	PERBANDINGAN KAIN LIMAR DENGAN KAIN-KAIN:	
5.1.....	PATOLA.....	30
5.2.....	CHINDAI.....	
5.3.....	SONGKET.....	
5.4.....	TENUNAN PUA.....	38
PENUTUP.....		39
BIBLIOGRAPHY.....		45
BIOGRAPHICAL DATA.....		46

## \* PRAKATA \*

Pertama kali saya mendengar tentang kain Limar atau Limau ini adalah dari mulut seorang pensyarah di Jabatan Senireka Tekstil, iaitu Puan Fatimah Ismail yang juga merupakan Ketua Kursus Senireka Tekstil dan Fesyen di Akademi Seni, Institut Teknologi Mara, Shah Alam.

Sewaktu itu, saya tidak langsung mengetahui atau mengenali apakah sebenarnya kain Limar atau Limau yang dimaksudkannya. Secara kebetulan saya belum mempunyai tajuk untuk tesis, lalu beliau mencadangkan kain Limar sebagai pilihan saya kelak.

Sekarang saya telah pun menyiapkan sebuah 'tesis' tentang kain Limar hasil dari penat lelah saya selama beberapa bulan.

Disini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih saya kepada Puan Fatimah kerana telah memberi peluang dan kepercayaan kepada saya untuk membuat tesis kain Limar sebagai memenuhi salah satu syarat wajib untuk mendapatkan Diploma Senilukis dan Senireka, dan juga kerana telah banyak memberi tunjuk ajar sepanjang tesis ini dijalankan.

Adalah agak sukar bagi saya untuk mendapatkan bahan rujukan dari buku-buku kerana terlalu sedikit yang ditulis tentang kain ini.

Seorang pakar tentang kain tenunan dan barang-barang Tradisional dari negeri Kelantan iaitu Nik Abdul Rahman Haji Nik Dir atau lebih dikenali dengan nama

Pok Nik telah bermurah hati untuk menceritakan segala pengetahuan yang ada padanya tentang kain Limar ini.

Pok Nik, walaupun sudah menjangkau usia hampir kelapan puluhan ternyata masih mampu bercerita dengan baik sekali dan telah memberi kerjasama yang memuaskan.

Nik Abdul Rahman adalah merupakan seorang Penasihat di Muzium Negeri Kelantan dan saya telah menemuramah beliau selama hampir satu minggu disana. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pok Nik kerana sudi mencurahkan segala pengetahuannya tentang kain Limar. Tanpa pertolongan dari Pok Nik, mungkin saya tidak akan dapat menulis tentang tajuk ini.

Selain daripada itu, saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kakak saya Puan Latifah Zakaria yang telah banyak membantu saya baik dari segi kewangan atau sokongan moral. Terima kasih saya kepada kedua-dua ibu bapa saya serta kaum keluarga dan pihak-pihak yang telah menolong saya baik dari segi sumbangan buku-buku rujukan, tempat tinggal, perjalanan dan ikhsan membenarkan saya menggunakan segala kemudahan yang ada.